

Malaysia komited anjur sukan bertaraf dunia

25/10/18
13/HARIAN

← Dari V29

Hampir 100 delegasi dari negara anggota AUSF dan Majlis Sukan Universiti Asean (AUSC) menghadiri persidangan dialog itu yang menyaksikan Malaysia sebagai tuan rumah selepas Beijing dua tahun lalu.

Yang turut hadir Presiden Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM), Prof Datuk Dr Hassan Basri Awang Mat Dahan; Setiausaha Agung FISU, Eric Saintrond; Presiden AUSF, Dr Xue Yang; Naib Presi-

den Kanan AUSF, Prof Omar Al-Hai; Naib Presiden AUSF, Ching-Yu Tseng dan Naib Setiausaha Agung AUSF, Shen Zhen.

Leonz berkata, tiga aspek utama yang menjadi keutamaan pihaknya menegenahkan sukan sebagai aspek penting dalam perkembangan dunia masa kini adalah ilmu, sikap dan aspek motivasi ketika beraksi mewakili negara masing-masing.

“Melalui aktiviti pembangunan sukan di universiti, kita melihat ia mampu menjadi landasan penting men-

jana kemahiran bagi pengurusan kepakaran selain kepimpinan dan kerjasama kumpulan dapat dibentuk dalam melahirkan atlit berketerampilan tinggi.

Daya tahan tinggi

“Pengurus yang bertanggungjawab menguruskan atlet masing-masing di universiti juga lebih profesional dan bijak dalam membentuk golongan ahli sukan yang mempunyai daya tahan yang tinggi,” katanya.

Mengulas mengenai

sesi dialog, Leonz berkata, antara isu utama yang dibangkitkan peserta adalah masalah kewangan yang menjadi antara keangan utama perkembangan sukan di kebanyakan negara di dunia.

Bagaimanapun, katanya faktor itu bukanlah alasan, sebaliknya kerajaan masing-masing sudah pun memperuntukkan pelbagai inisiatif untuk perkembangan sukan termasuk di universiti.

“FISU melihat itu sebagai masalah utama negara

terbabit, namun kita sentiasa menyokong inisiatif mereka, contohnya Malaysia yang sudah pun menganjurkan empat kejohanan dunia membabitkan mahasiswa universiti.

“Usaha ini harus dipuji memandangkan Malaysia amat komited dalam menyediakan peluang kepada mahasiswa universiti, termasuk membabitkan atlet seluruh dunia untuk mengembangkan potensi mereka dalam bidang sukan yang diper-

tandingkan,” katanya.

[FOTO SYARAFIQ ABD SAMAD / BH]



Hassan Basri (kanan) bersama Leonz (dua dari kanan) ketika menghadiri sesi Majlis Dialog FISU-Persekutuan Sukan Universiti Asia (AUSF) 2018 di Petaling Jaya, baru-baru ini.